

PENCABULAN TERHADAP BAHASA UYGHUR DI XINJIANG

Penindasan Terancang Terhadap Bahasa Uyghur

- Pegawai Kerajaan China menegaskan bahawa bahasa Mandarin sebagai penanda aras kemodenan, juga sebagai satu keperluan untuk memerangi keganasan dan ekstremisme.

“Bahasa-bahasa etnik minoriti mempunyai potensi yang sangat kecil dan tidak mempunyai ungkapan yang meluas untuk digunakan dalam bidang sains dan teknologi moden, sekali gus menjadikan pendidikan dengan konsep ini sebagai mustahil. Konsep ini tidak selari dengan tuntutan sistem abad ke-21.”

Mantan Setiausaha Parti Komunis Xinjiang,
Wang Lequan

“Pengganas dari negara jiran menyasarkan etnik Uyghur yang agak terasing daripada masyarakat biasa di negeri lain di China kerana keterbatasan untuk berbahasa Mandarin. Mereka kemudiannya akan diperdaya untuk menyertai kumpulan pengganas.”

Mantan Pengerusi Parti Komunis Xinjiang,
Nur Bekri

Pembelajaran secara paksaan Bahasa Mandarin di dalam Kem Tahanan

- Sejak 2017, pihak berkuasa China telah menahan lebih daripada dua juta etnik Uyghur dan Muslim Turki yang lain. Laporan telah memperincikan penyeksaan, kematian dalam tahanan, dan indoktrinasi politik secara paksa di dalam kem-kem tahanan tersebut. Bekas tahanan yang terselamat telah memberikan gambaran rutin harian yang ketat di kem tersebut seperti pelasanaan upacara menaikkan bendera, nyanyian ‘red song’ serta sesi pembelajaran wajib yang dilaksanakan dalam bahasa Mandarin.

- Salah seorang mangsa masih mengingati situasi kelas yang diadakan di dalam sebuah bilik kecil dan mereka perlu berulangkali menyebut ayat seperti "*Tiada Tuhan. Saya tidak percaya kepada Tuhan. Saya percaya kepada Parti Komunis.*" Mana-mana individu yang tidak menyebut slogan-slogan ini dengan betul dalam bahasa Mandarin akan dipukul atau diletakan di atas alat penyeksaan yang digelar sebagai '*tiger chair*'.

Menghapuskan Bahasa Uyghur secara Berperingkat dalam Pendidikan

- Dasar pendidikan '*dwibahasa*' yang diperkenalkan secara berperingkat pada tahun 1990-an telah mengakibatkan berlaku penyingkiran bahasa Uyghur dari bilik darjah, menghalang pelajar Uyghur daripada mendapat pendidikan dalam bahasa ibunda mereka, lantas menjadi cabaran untuk etnik Uyghur mengekalkan identiti mereka yang berbeza daripada etnik Han.
- Pada tahun 2017, Jabatan Pendidikan Wilayah Hotan telah mengeluarkan arahan menetapkan proses pengajaran dan pembelajaran dikelola sepenuhnya dalam bahasa Mandarin bermula diperingkat pra-sekolah, dan melarang penggunaan bahasa Uyghur dalam sebarang aktiviti dan pengurusan pendidikan.

Penempatan semula Pelajar Uyghur

- '*Program Sekolah Menengah Tanah Besar*' merupakan satu lagi inisiatif kempen pendidikan '*dwibahasa*' oleh pihak kerajaan China. Misi program ini adalah untuk mengukuhkan perpaduan etnik dan mengasimilasikan pelajar etnik Uyghur menerusi proses pendidikan dengan memindahkan mereka dan kumpulan etnik lain keluar dari wilayah Turkestan Timur untuk mendapatkan pendidikan peringkat menengah di Tanah Besar China, serta memfokuskan tumpuan terhadap kemahiran Mandarin dan aktiviti kurikulum yang bersifat pro-China.

Pembasmian Bahasa Uyghur dalam Kehidupan Awam

Dasar rasmi China tidak menggalakkan penggunaan bahasa dan tulisan Uyghur dalam sebarang aktiviti kehidupan harian masyarakat awam dan diperingkat professional. Selama beberapa dekad, kerajaan China telah mempromosikan bahasa Mandarin sebagai bahasa yang menawarkan pelbagai kelebihan terutamanya dalam bidang pasaran kerja, dan mengekang penggunaan bahasa asing lain seperti Uyghur untuk ditutur dalam negara, terutamanya dalam media dan sebarang sistem talian lain serta dalam sebarang urusan rasmi. Malah baru-baru ini, sebarang bentuk penulisan dalam bahasa Uyghur dianggap sebagai “*tanda ekstremisme*”, dan pihak peniaga seperti kedai-kedai yang mengguna atau meletakkan sebarang penulisan yang menggunakan bahasa Uyghur perlu menghapuskannya serta larangan yang sama juga dikenakan terhadap papan tanda jalan dan papan tanda kedai di negara itu.

“Kanak-kanak tidak mempunyai peluang untuk mengembangkan kemahiran bahasa Uyghur mereka, dan akan, oleh itu, mereka tidak akan dapat menghasilkan karya baharu untuk generasi akan datang...”

Cahaya suara Uyghur sedang dipadamkan oleh dasar bahasa China.”

Peguam hak asasi manusia antarabangsa,

Aurora Elizabeth Bewicke,

Mendiamkan Laluan Sutera: Dasar Bahasa China Di Wilayah Autonomi Uyghur Xinjiang